



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**9 SEPTEMBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **2,298 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **167,737 kes**. Sebanyak 22 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tiga (3) kes di Sandakan, Lahad Datu, Tawau dan Kudat, dua (2) kes di Penampang, Semporna, Keningau dan Kota Kinabalu manakala Tenom dan Ranau masing-masing mencatatkan satu (1) kes. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 3,154 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 141,230 orang. Manakala 4,995 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,729 orang di hospital, 3,188 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 72 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala enam (6) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 184 orang merangkumi 129 di ICU/*repurposed kritikal care* serta 55 di open ward (HDW/*kubikel akut*) dan 82 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes di Sabah naik semula hari ini dengan peningkatan (+231) kes kepada (2,298) kes berbanding (2,067) kes yang dicatatkan semalam (08 September 2021)
- b. Kes di Daerah Kota Kinabalu mencatatkan pertambahan (+151) kes dan begitu juga di beberapa Daerah lain seperti Penampang (+53) kes, Putatan (+40) kes, Lahad Datu (+50) kes, Kota Marudu (+43), Pitas (+50) dan Ranau (+23). Kes menurun di Tuaran (-42) kes, Sandakan (-59) kes, Kinabatangan (-35) kes dan Tongod (-34) kes.
- c. Daripada (2,298) kes hari ini, 38.4% atau (883) kes adalah lewat daftar antara 2 hingga 3 hari selepas tarikh keluar keputusan, 4.3% atau (98) kes adalah lewat daftar antara 4 hingga 5 hari dan 8.8% atau (203) kes adalah lewat daftar melebihi 5 hari.
- d. Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama kepada kes harian dengan (1,294) kes atau 56.3% daripada (2,298) kes hari ini, (723) kes atau 31.5% daripada Saringan Bergejala, dan (56) kes atau 2.4 % daripada Saringan Kluster.
- e. Di Kota Kinabalu, 38.34% daripada jumlah kes daerah tersebut hari ini berpunca daripada Saringan Bergejala, Sandakan 31.6%, Tawau 57.9% dan Penampang 40.0%. Saringan bergejala adalah kes-kes sporadik yang berkemungkinan berjangkit akibat kelalaian mematuhi SOP.
- f. Penambahan peratusan penduduk yang divaksin sedikit sebanyak mengurangkan jumlah kategori kes yang dianggap serius seperti Kategori 4 dan Kategori 5. Daripada (2,298) kes yang dicatat hari ini, (554) kes atau 24.1% adalah dalam Kategori 1, (1,576) kes atau 68.6% dalam Kategori 2, tujuh (7) kes dalam Kategori 3, satu (1) kes dalam Kategori 4 dan dua (2) dalam kategori 5. (158) kes lagi masih dalam siasatan.

- g. Daripada (2,298) kes hari ini, (2,103) kes atau 91.5% adalah warganegara Malaysia dan (195) kes atau 8.5% bukan warganegara, 48.9% lelaki dan 51.1% perempuan. Walaupun majoriti pesakit (1,457) adalah mereka yang berumur antara 18 hingga 59 tahun tetapi seramai 191 orang yang dijangkiti adalah di kalangan kanak-kanak yang berumur 5 tahun ke bawah termasuk 27 bayi yang berumur kurang daripada satu (1) tahun.
- h. Mengikut statistik CITF Sabah, setakat semalam (08 September 2021), sejumlah 65.36% penduduk dewasa Sabah telah pun memperolehi satu dos vaksin dan 48.63% telah melengkapkan pengambilan dos vaksin mereka.
- i. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (1,294) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	56	2.40%
2	Bergejala	723	31.50%
3	Kontak	1,294	56.30%
4	Bersasar	13	0.60%
5	Lain-lain	212	9.20%
<b>JUMLAH</b>		<b>2,298</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (08 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 08/09/2021</b>	<b>Catatan Kes 09/09/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Kota Kinabalu	347	498	+151
2	Penampang	106	159	+53
3	Lahad Datu	62	112	+50
4	Pitas	37	87	+50
5	Kota Marudu	48	91	+43
6	Putatan	61	101	+40
7	Ranau	37	60	+23
8	Beluran	36	52	+16
9	Papar	70	84	+14
10	Tenom	22	32	+10
11	Kota Belud	107	114	+7
12	Tawau	107	114	+7
13	Kunak	31	37	+6
14	Kuala Penyu	4	10	+6
15	Sandakan	306	247	-59
16	Tuaran	163	121	-42
17	Kinabatangan	82	47	-35
18	Tongod	73	39	-34
19	Telupid	39	16	-23
20	Kudat	78	61	-17
21	Keningau	122	111	-11
22	Kalabakan	16	8	-8
23	Nabawan	32	27	-5
24	Beaufort	32	28	-4
25	Sipitang	12	8	-4
26	Semporna	19	17	-2
27	Tambunan	18	17	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>2,067</b>	<b>2,298</b>	<b>+231</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (26 Ogos – 08 September)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	261	191	0	46	498	6,519
Sandakan	2	82	78	0	85	247	3,897
Penampang	0	82	70	0	7	159	2,712
Tuaran	0	91	17	0	13	121	2,719
Tawau	0	32	66	0	16	114	2,090
Kota Belud	0	87	26	0	1	114	1,198
Lahad Datu	0	58	44	2	8	112	1,236
Keningau	12	78	15	0	6	111	1,382
Putatan	0	69	31	0	1	101	1,033
Kota Marudu	0	66	24	0	1	91	1,093
Pitas	0	80	6	0	1	87	601
Papar	0	42	42	0	0	84	2,026
Kudat	0	51	7	0	3	61	619
Ranau	5	27	20	0	8	60	707
Beluran	0	38	2	11	1	52	364
Kinabatangan	21	22	4	0	0	47	838
Tongod	12	13	14	0	0	39	367
Kunak	0	22	15	0	0	37	315
Tenom	0	21	11	0	0	32	580
Beaufort	0	11	15	0	2	28	413
Nabawan	4	19	4	0	0	27	443
Semporna	0	0	6	0	11	17	153
Tambunan	0	11	6	0	0	17	192
Telupid	0	14	2	0	0	16	681
Kuala Penyu	0	6	3	0	1	10	99
Kalabakan	0	4	3	0	1	8	230
Sipitang	0	7	1	0	0	8	314
<b>JUMLAH</b>	<b>56</b>	<b>1,294</b>	<b>723</b>	<b>13</b>	<b>212</b>	<b>2,298</b>	<b>32,821</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Keningau	Kluster Pagar Sebrang	12
Nabawan	Kluster Sawit Simpang Batu 38	4
Ranau	Kluster Rapak	5
Kinabatangan	Kluster Sawit Kinabatangan 2	14
	Kluster Tangkuyan	7
Sandakan	Kluster Lebu Empat	2
Tongod	Kluster Kampung Penangah	12
<b>JUMLAH</b>		<b>56</b>

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

i **Kluster Rapak - Ranau** dikategorikan sebagai kluster jenis komuniti. Kes indeks adalah wanita, 81, merupakan pemilik bangunan gerai sewa yang sering datang melawat di gerai sub-indeks sebelum mula bergejala batuk, selesema dan sakit dada sejak 22 Ogos 2021. Kes indeks kemudiannya disahkan positif COVID-19 melalui Ujian RTK AG berkeputusan positif grading 100% di sebuah klinik swasta pada 23 Ogos 2021 dan berada di rumah sahaja sebelum mendapatkan rawatan pada hari seterusnya. Beberapa siri saringan kontak rapat dijalankan pada 31 Ogos 2021 hingga 04 September 2021 berjaya mengesan 21 kes, sebelum saringan kontak rapat diteruskan pada 08 September 2021 dan mendapati 20 kes lagi positif menjadikan jumlah kumulatif kes positif sebanyak 42 kes termasuk lima (5) kes baharu hari ini. Penularan wabak disyaki berpunca daripada aktiviti melibatkan perkumpulan individu di gerai sewa simpang masuk Kg Rapak.

7 Jumlah kapasiti katil 7,561 unit

- Hospital 1,891 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,998 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 65.98%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 09 SEPTEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	2,244
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	18
Orang Dalam Tahanan /Banduan	36
<b>Jumlah</b>	<b>2,298</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	6
Pahang	1
WP Kuala Lumpur	6
Johor	3
WP Labuan	2
<b>Jumlah</b>	<b>18</b>

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	2,103
Bukan Malaysia	195
<b>Jumlah</b>	<b>2,298</b>

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	604
Belum Menerima Vaksin	719
Menerima 1 Dos	241
Lengkap 2 Dos	734
<b>Jumlah</b>	<b>2,298</b>

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	27
1 to 5	164
6 to 17	413
18 to 59	1,457
>60	237
<b>Jumlah</b>	<b>2,298</b>

**C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH**

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 09 September 2021)
1	Ranau	9
2	Putatan	6
3	Tawau	6
4	Kota Belud	5
5	Keningau	3
6	Kota Kinabalu	3
7	Kudat	3
8	Papar	3
9	Kota Marudu	2
10	Beluran	1
11	Kinabatangan	1
12	Penampang	1
13	Telupid	1
14	Tenom	1
15	Tongod	1
<b>JUMLAH</b>		<b>46</b>

**D PELAKSANAAN PKPD BARU**

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Dua (2) lokaliti di Ranau	11 September 2021	24 September 2021

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Lembah Permai</li> <li>• Kampung Desa Aman</li> </ul>		
2.	Taman Sungai Labuk, Beluran	11 September 2021	24 September 2021
3.	Sekolah Henry Gurney, Keningau	11 September 2021	24 September 2021
4.	Kampung Timug, Matunggong, Kudat	11 September 2021	24 September 2021

## E PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Kampung Sungai Imam, Tawau	28 Ogos 2021	Ditamatkan pada 10 September 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Kampung Kapakaan, Keningau	28 Ogos 2021	Ditamatkan pada 10 September 2021 seperti yang dijadualkan
3.	Kampung Paris 3, Kinabatangan	28 Ogos 2021	Ditamatkan pada 10 September 2021 seperti yang dijadualkan

## F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 juga, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.

- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **10,173** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,678,191 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **27,227** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,225,476 orang.
- 5 Pada hari ini sebanyak 1,546 orang telah menerima vaksin dos tunggal Cansino menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 57,546 orang.

## **G BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **556,830** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 109 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 24,439 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 67 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 48 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 29 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - 11 Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka
  - Enam (6) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
  - Enam (6) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
  - Satu (1) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - Lima (5) Orang : Lain-lain Kesalahan tidak Tersenarai
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 96 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 26 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

#### 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1,080 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu satu (1) di daerah Tawau dan satu (1) di Kinabatangan.
- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 336 premis perniagaan dan 333 individu di 18 kawasan. Sepuluh (10) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di AI Gadget, Lintas Plaza (2 Orang), Kak Ruru, Lintas Plaza (1 Orang), Aston Boutec Hotel, Lintas Plaza (2 Orang), Dumpling Cafe, Lintas Plaza (1 Orang), Fat Kee Seafood Restaurant, Kolam Centre(1 Orang), JNT Express Malaysia, Kolam Plaza (1 Orang), Gualom Enterprise, Jalan Bukit Padang (1 Orang) dan Pasar Harian Taman Tun Fuad (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.

5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 311 Premis Perniagaan melibatkan 144 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 157 anggota di 192 lokasi.

7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 17 premis, melibatkan 12 buah BBP pada hari ini.

8 Sejumlah 213 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 15 daerah pada hari ini.

9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 198 hebahan di seluruh Sabah.

# I KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kota Belud	96.5%
2	Tuaran	96%
3	Sipitang	96%
4	Beaufort	96%
5	Kota Marudu	96%
6	Penampang	96%
7	Papar	96%
8	Keningau	96%
9	Lahad Datu	96%
10	Sandakan	96%
11	Tenom	95.5%
12	Ranau	95.5%
13	Kunak	95.5%
14	Kinabatangan	95.5%
15	Beluran	95.5%
16	Kudat	95%
17	Semporna	95%
18	Tawau	95%
19	Kota Kinabalu	95%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**